



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

25 September 2020

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	<ul style="list-style-type: none">• Jeti nelayan semakin usang• Ramai nelayan guna pekerja asing
Berita Harian	<ul style="list-style-type: none">•
Harian Metro	<ul style="list-style-type: none">•
Kosmo !	<ul style="list-style-type: none">• Gadai nyawa jeti uzur• Pok Wi jual ikan air tawar secara COD• Padah curi ikan di perairan Perak
Sinar Harian	<ul style="list-style-type: none">•
The Star	<ul style="list-style-type: none">•
New Straits Time	<ul style="list-style-type: none">•
Nanyang Siang Pau	<ul style="list-style-type: none">•
Malaysia Gazette	<ul style="list-style-type: none">•
Harakah	<ul style="list-style-type: none">•
Malaysia Dateline	<ul style="list-style-type: none">•
Bernama	<ul style="list-style-type: none">•
See Hua Daily News (Kuching)	<ul style="list-style-type: none">•
Guan Ming Dally	<ul style="list-style-type: none">•
Sin Chew Daily	<ul style="list-style-type: none">•

JENIS AKHBAR						MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA	✓	KOSMO 1	THE STAR	NANYANG SIANG PAU			
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN	THE SUN	ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES	THE MALAY MAIL	PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN :		POSITIF	NEGATIF	NEUTRAL		12	25/9/2020

Jeti nelayan semakin usang

Oleh NOOR HASLIZA NUSI
 utusannews@mediamail.com.my

GEORGETOWN: Pemandu bot pancing dan nelayan pantai di pondok Batu Uban (2) di sini berdepan kebimbangan dengan keadaan laluan utama di jeti terapung di situ yang semakin usang dan pernah beberapa kali rosak akibat dipukul ribut.

Tinjauan Utusan Malaysia mendapati sebahagian jeti yang diperbuat daripada tampungan kayu dan toing plastik biru sebagai pelempung itu didapati hampir reput serta patah.

Lebih membimbangkan, seorang kaki pancing dilaporkan terjatuh ke dalam laut semasa menggunakan jeti itu untuk ke botnya yang diletakkan di tepi jeti usang berkenaan pagi kelmarin, namun, diselamatkan pekerja di situ.

Seorang nelayan, Ramli Baharom, 67, berkata, dia kini bimbang dengan keselamatan di situ termasuk kaki pancing yang menggunakan perkhidmatan bot untuk ke tembok bawah Jambatan Pulau Pinang, Pulau Jerejak, Pulau Rimau dan Jambatan Sultan Abdul Halim Muadzam Shah.

Menurutnya, jeti terapung berusia 18 tahun itu pernah dihanyutkan air dalam kejadian ribut tiga bulan lalu selain rosak teruk akibat fenomena air laut pasang.

"Lebih 10 kali jeti itu rosak



4th hb 12
 25/9/2020

ANTARA keadaan jeti kayu yang sudah usang dan masih digunakan oleh nelayan dan kaki pancing untuk ke bot masing-masing di Pondok Batu Uban (2), Gelugor, Pulau Pinang. - UTUSAN/AMIR IRSYAD OMAR

setelah ditenggelami air selain pernah dibawa arus kuat hingga ke lokasi kapal mewah ditempatkan berhampiran jeti berkenaan.

"Setiap kali rosak atau parah, saya sendiri akan mengupah orang untuk membaiki semula dengan kayu menggunakan wang simpanan yang diperoleh daripada hasil tangkapan ikan dan upah membawa kaki pancing menaiki bot," katanya di sini semalam.

Menurut Ramli, dia terpaksa

“**Jeti ini merupakan laluan utama kami dan pelanggan (kaki pancing) pada setiap hari.**”

RAMLI BAHAROM

berusaha mencari jalan untuk kerja-kerja membaiki jeti berkenaan secepat mungkin kerana bimbang akan menjejaskan sumber pendapatan nelayan dan perkhidmatan bot pancing.

"Jeti ini merupakan laluan utama kami dan pelanggan (kaki pancing) pada setiap hari.

"Saya juga bimbang akan risiko keselamatan pelanggan ketika berjalan melalui jeti terapung ini. Mereka kini terpaksa melangkah kaki dengan lebih

berhati-hati," ujarnya.

Dalam pada itu, Ramli yang bekerja sebagai nelayan pantai sejak 50 tahun lalu mendakwa dia pernah bertemu pemimpin masyarakat kawasan berkenaan namun masih tiada inikahat balas sehingga ke hari ini.

"Saya merayu pihak kerajaan negeri membantu membaiki jeti usang ini demi keselamatan nelayan dan kaki pancing sekali gus meningkatkan sumber pendapatan nelayan," tambahnya.

JENIS AKHBAR						MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA	✓	KOSMO	THE STAR	NANYANG SIANG PAU			
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN	THE SUN	ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES	THE MALAY MAIL	PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL	30	25/9/2020

Ramai nelayan guna pekerja asing

UM NIS 30 25/9/2020

Oleh SHAMSUL KAMAL AMARUDIN
utusannews@mediamula.com.my

LUMUT: Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) menahan 13 warga asing termasuk 12 pendatang asing tanpa izin (PATI) dalam operasi khas di perairan selatan Perak dan Pulau Pangkor dekat sini, semalam.

Dalam operasi yang turut disertai pengamal media itu, seramai lapan warga asing ditahan dalam serbuan di dua tapak sangkar ikan di perairan dekat Pulau Pangkor manakala lima lagi PATI ditahan dalam sebuah bot nelayan berhampiran gugusan Pulau Sembilan, di perairan dekat Baglan Datuk.

Pengarah Maritim negeri, Kepten Maritim Shahrizan Ramon berkata, kesemua mereka berusia antara 23 tahun hingga 40 tahun itu ditahan kerana melakukan kesalahan di bawah Akta Perikanan 1985 dan Akta Imigresen 1959/63.

"Seorang daripada mereka iaitu warga Indonesia yang bekerja di sangkar ikan dida-



ANGGOTA Maritim Malaysia membuat pemeriksaan ke atas sebuah kapal nelayan dalam operasi khas di perairan selatan Perak dan Pulau Pangkor dekat Lumut, Perak semalam. - UTUSAN/ZULFACHRI ZULKIFLI.

pati memiliki pasport yang sah tetapi tidak mempunyai permit untuk bekerja di situ," katanya dalam sidang akhbar di atas kapal KM Nyalau semalam.

Yang hadir sama Timbalan Pengarah Operasi Maritim Perak, Komander Maritim Mohd. Hashim Mat Zain.

Shahrizan berkata, operasi khas itu dilakukan bagi menunjukkan pengoperasian pasukan Maritim Perak dalam menguatkuasakan akta-akta Persekutuan separtijang perairan negara khususnya di negeri ini.

Selain itu, menurutnya, operasi itu melakukan pemeriksaan

terhadap sebuah kapal dagang yang berlabuh di perairan Selat Dinding, bagaimanapun mendapati tiada kesalahan dilakukan oleh pemilik, pengemudi atau pekerjanya.

Dalam pada itu, katanya, sejak 1 Januari lalu hingga semalam, Maritim Perak melaku-

kan 73 tangkapan atas pelbagai kesalahan dengan 80 peratus daripadanya melibatkan permit warga asing khususnya penggunaan warga asing dan PATI dalam sektor perikanan.

"Dipercayai penggunaan warga asing dalam bot nelayan tempatan semakin tinggi. Bot mempunyai lesen yang sah cuma pekerja tidak mempunyai permit dan kebenaran sah daripada Jabatan Imigresen dan Jabatan Perikanan.

"Mereka dipercayai bekerja di sektor perikanan di Perak sejak empat atau lima tahun lalu dan hasil siasatan awal mendapati, kekangan sumber manusia terutama dalam kalangan rakyat tempatan dalam sektor perikanan menjadi punca penggunaan warga asing ini.

"Perkara ini amat membingungkan kita sebagai penguat kuasa apabila melibatkan musim pandemik Covid-19 sebab mereka tidak menjalani saringan, tetapi hasil pemeriksaan dan saringan kemudian mendapati semua mereka didapati negatif pandemik itu," katanya.

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!	✓	THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN:		POSITIF		NEGATIF		NEUTRAL	17	25/9/2020



Kayu reput, patah jadi laluan nelayan setiap hari Gadai nyawa jeti uzur

Oleh HASLIZA NUSI

GEORGE TOWN – Nelayan dan pemandu bot pancing di Pondok Batu Uban 2 di sini bimbang mengenai keselamatan diri mereka apabila laluan di jeti terapung berkenaan usang dan pernah beberapa kali rosak akibat dipukul ribut.

Tinjauan Kosmo! semalam mendapati, struktur jeti yang diperbuat daripada kayu dan menggunakan tong piastik sebagai pelampung hampir reput dan patah.

Seorang kaki pancing dikatakan terjatuh ke laut semasa menuju ke bot yang diletakkan di tepi jeti berkenaan, namun dapat diselamatkan beberapa pekerja yang melintat kejadian tersebut kelmarin.

Wakil nelayan, Ramli Baharon, 67, berkata, dia bimbang keselamatan dirinya dan rakan-rakan yang menggunakan laluan tersebut setiap hari.

Selain nelayan, laluan berkenaan turut digunakan oleh kaki pancing yang menggunakan perkhidmatan bot untuk ke tembok bawah Jambatan Pulau Pinang, Pulau Jerejak, Pulau Rimau dan Jambatan Sultan Abdul Halim Muadzam Shah.

"Jeti berusia 18 tahun ini pernah dihanyutkan air dalam kejadian ribut kira-kira tiga bulan lalu dan rosak akibat fenomena air laut pasang.

"Setiap kali rosak atau patah, saya mengupah orang untuk membaiki dan menampal semula dengan kayu menggunakan wang poket sendiri," katanya kepada Kosmo! ketika ditemui semalam.

Menurut Ramli, dia terpaksa berusaha mencari jalan untuk membaiki jeti berkenaan secepat mungkin kerana bimbang keadaan yang usang akan menjejaskan rutin nelayan turun ke laut.

Selain itu, dia juga bakal kehilangan pendapatan kerana kaki pancing tidak lagi menggunakan

perkhidmatannya botnya untuk ke destinasi mereka.

"Sekiranya tidak dibaiki, bagaimana dengan nasib kami (nelayan) kerana jeti ini merupakan laluan utama kami pada setiap hari.

"Saya juga bimbang mengenai keselamatan pelanggan ketika berjalan di atas jeti terapung ini. Mereka perlu lebih berhati-hati," katanya.

Dalam pada itu, Ramli yang menjadi nelayan sejak 50 tahun lalu mendakwa masalah mengenai jeti ini pernah disuarakan kepada wakil rakyat di kawasan berkenaan namun masih tiada maklumi balas setakat hari ini.

"Saya merayu agar pihak kerajaan negeri dapat membantu demi keselamatan nelayan dan kaki pancing.

"Dengan adanya kemudahan yang lebih baik, ia membantu meningkatkan sumber pendapatan nelayan di kawasan ini," tambahnya.

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO I	✓	THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN:		POSITIF		NEGATIF		NEUTRAL		
							16	25/9/2020

KOSMO M/S 16 25/9/2020

Pok Wi jual ikan air tawar secara COD

GUA MUSANG – Seorang penernak ikan air tawar di Kampung Lapan Jaya di sini membuat jualan ikan secara cash on delivery (COD) atau bayar selepas terima bagi memudahkan orang ramai membeli ikan segar daripada kolamnya.

Mat Nawi Hussin, 61, atau dikenali sebagai Pok Wi yang menjual ikan air tawar seperti kelah, tilapia, patin, lampam dan tongsan itu menganggap cara jualan COD merupakan kaedah norma baharu yang perlu dilakukan peniaga masa kini.

Menurut Pok Wi, selama tiga bulan ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan kerajaan bermula Mac lalu, jualan ikan air tawarnya merosot apabila tidak mendapat tem-

pahan daripada peniaga dan pengusaha restoran.

Katanya, ikan kelah di dalam kolamnya yang dianggarkan sebanyak 2,500 ekor dengan berat 5,000 kilogram dalam tempoh itu tidak dapat dijual.

"Perniagaan selepas PKP agak perlahan dan memang sukar hendak mendapat jualan seperti dahulu ketika ini.

"Saya lega apabila dibantu oleh anak-anak untuk proses mengambil ikan di dalam kolam sehingga kepada pembungkusan dan penghantaran ikan kepada pelanggan," katanya ketika ditemui Kosmo! di sini semalam.

Katanya, pandemik Covid-19 mengajarnya menerokai platform baharu untuk berniaga dalam talian.



MAT NAWI menunjukkan ikan kelah yang dijual dengan harga RM200 sekilogram di Kampung Lapan Jaya di Gua Musang semalam.

JENIS AKHBAR						MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA	KOSMO I	✓	THE STAR	NANYANG SIANG PAU			
BERITA HARIAN	SINAR HARIAN		THE SUN	ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO	NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL	PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL	14	25/9/2020

Maritim Malaysia berkas 13 nelayan warga asing dalam operasi khas

Padah curi ikan di perairan Perak

Oleh SHAMSUL KAMAL AMARUDIN

LUMUT - Kegiatan sekumpulan 13 nelayan warga asing mencuri hasil laut negara mengundang padah apabila kesemuanya diberkas Maritim Malaysia (APMM) di sekitar perairan selatan Perak dan Pulau Pangkor dekat sini kelmarin.

Lapan daripadanya diberkas di dua tapak sangkar ikan dekat Pulau Pangkor, manakala lima lagi ditahan di atas sebuah bot berhampiran Pulau Sembilan dekat perairan Bagan Datuk.

Operasi yang turut disertai media itu dilakukan bagi memberi gambaran jelas tugas pihak berkuasa tersebut.

Pengarah APMM Perak, Kapten Maritim Shahrizan Ramzan berkata, kesemua nelayan berusia 23 hingga 40 tahun itu terdiri daripada Rohingya (5), Indonesia (4), Nepal (3) dan Myanmar (1).

"Salah seorang daripada nelayan Indonesia itu memiliki pasport sah tetapi tidak mempunyai permit, manakala bakinya ialah pendatang asing tanpa izin (PATI).

"Mereka disiasat mengikut Akta Perikanan 1985 dan Akta Imigresen 1959/63," katanya pada sidang akhbar di atas kapal KM Nyalau yang turut dihadiri Timbalan Pengarah Operasi APMM Perak, Komander Maritim Mohd. Hashim Mat Zain.

Menurut Shahrizan, pihaknya telah menangkap 73 tangkapan atas pelbagai kesalahan dengan 80 peratus daripadanya melibatkan kesalahan permit.

"Siasatan mendapati kebanyakan PATI telah bekerja di atas bot nelayan tempatan sejak empat atau lima tahun lalu," katanya.

Ujar Shahrizan, pihaknya sentiasa berusaha untuk mengekang kemasukan PATI melalui laut Perak.



ANGGOTA APMM memeriksa kapal yang digunakan nelayan asing untuk menangkap ikan di Pulau Sembilan dekat Bagan Datuk kelmarin.